



## IKLAN JAWATAN KOSONG PENOLONG PEGAWAI FARMASI U29

### INDIVIDU (WARGANEGARA MALAYSIA) YANG BERKELAYAKAN DIPELAWA UNTUK MENGISI KEKOSONGAN JAWATAN DI BAWAH

1. (a) Jawatan: : Penolong Pegawai Farmasi  
(b) Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun/Kuasa Tempatan : Universiti Sains Malaysia  
(c) Klasifikasi Perkhidmatan : Perubatan Dan Kesihatan  
(d) Jenis Skim Perkhidmatan : Pelaksana  
(e) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana Berkelayakan STPM / Diploma  
(f) Gred : U29

2. Jadual Gaji : (RM Sebulan)

Gred Gaji	Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
U29	1,797.00	5,753.00	145.00

- Imbuhan Tetap : Khidmat Awam : RM 160.00  
Perumahan : RM 300.00

- Syarat Lantikan : 1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-  
a) Warganegara Malaysia;  
b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;  
c) Kelayakan Lantikan Ke Gred U29  
: (i) Diploma dalam bidang farmasi yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

Gaji permulaan ialah pada Gred U29: RM1,797.00

- Syarat Bahasa Melayu : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. Taraf Jawatan : Tetap/ Kontrak

5. Peningkatan Secara Lantikan Ke Jawatan Pegawai Farmasi UF41 Atau Pengajar Gred U41 : Penolong Pegawai Farmasi yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Farmasi UF41 atau Pengajar U41 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.
6. Ringkasan Tugas : **Umum**  
Bertanggungjawab memastikan kebersihan gedung ubat, khasnya di kaunter gedung ubat, kebersihan gelas-gelas sukatan dan semua alatan. Memeriksa dan memenuhi semua botol-botol bancuhan yang kosong, pil-pil dan losen untuk penyediaan perkhidmatan
- Pembahagian ubatan kepada pesakit dan memberi keterangan yang betul atas kegunaan ubat yang diberikan dengan bahasa yang difahami oleh pesakit.
- Membantu di dalam menyediakan stok-stok yang banyak seperti butir-butir campuran, losen, ointments dan membotolkan dengan segera untuk pembahagian.
- Khusus**  
Akan ditetapkan oleh Ketua Pusat Tanggungjawab mengikut keperluan perkhidmatan dan tugas.

Keutamaan akan diberikan kepada staf tetap/kontrak yang sedang berkhidmat di Universiti Sains Malaysia/ Hospital Universiti Sains Malaysia.

## **PENDAFTAR**